



NEGERI BRUNEI

E 8 TAHUN 1981

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959

**Perintah2 Dzarurat (Pasokan Simpanan
Gurkha), 1981**

Beta bersetuju,



HASSANAL BOLKIAH
*D. Y. M. M. Paduka Seri
Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan*

Pada menjalankan kuasa2 yang di-berikan kapada Baginda oleh cheraian2 (3) dan (4) bab 83 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, maka Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah2 yang berikut:-

BAHAGIAN I

Permulaan

Gelaran.

1. Perintah2 ini boleh di-gelar sebagai Perintah2 Dzarurat (Pasokan Simpanan Gurkha), 1981.

Tafsiran.

2. (1) Di-dalam Perentah2 ini kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain -

“Komandan” berma'ana Komandan Pasokan Simpanan Gurkha yang di-lantek di-bawah Perentah 4(1);

“Perentah2 'Am” berma'ana Perentah2 'Am Kerajaan;

“Anggota” berma'ana sa-saorang sama ada ia-nya sa-orang Pegawai Kanan, Pegawai Pangkat Rendah, atau anggota yang tidak berpangkat dari Pasokan Simpanan Gurkha;

“Pegawai Kanan” berma'ana sa-saorang anggota dari Pasokan Simpanan Gurkha yang berpangkat Leftenan Muda, Leftenan, Kaptan, Mejar, Leftenan Kolonel dan Kolonel atau lebeh tinggi dari pangkat itu dan termasuk Komandan;

“Pegawai Pangkat Rendah” berma'ana sa-saorang anggota dari Pasokan Simpanan Gurkha yang berpangkat Lans Koperal, Koperal, Sarjan, Pegawai Waran Kelas Dua dan Pegawai Waran Kelas Satu;

“Pasokan” berma'ana Pasokan Simpanan Gurkha;

“senjata2” termasuk senjata2 api dan peluru.

(2) Di-dalam bab2 131 dan 140 dari Undang2 Hukuman Jenayah ayat “sa-saorang pegawai atau mata2 dalam pasokan2 Polis” hendak-lah di-anggap termasuk sa-saorang anggota dari Pasokan Simpanan Gurkha.

(3) Di-dalam bab 137 dari Undang2 Hukuman Jenayah ayat “sebarang orang yang melarikan diri dari pasokan2 Polis Negeri ini” hendak-lah di-anggap termasuk sa-saorang yang melarikan diri dari Pasokan Simpanan Gurkha.

(4) Di-dalam apa jua Perintah yang di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-bawah bab 83 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, ayat "ahli sebarang Pasokan Tempatan yang di-tubuhkan di-bawah sebarang undang2 bertulis" hendak-lah di-anggap termasuk sa-saorang anggota dari Pasokan Simpanan Gurkha.

BAHAGIAN II

Pertubohan, Tugas2 dan Kuasa2

- Pertubohan.** 3. Pasokan Simpanan Gurkha akan mengandongi perlengkapan anggota dari Pegawai2 Kanan, Pegawai2 Pangkat Rendah dan anggota2 yang tidak berpangkat mengikut sebagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mungkin mengarahkan dan akan merupakan sa-bahagian yang melengkapkan dalam Pasokan2 Keselamatan Negeri.
- Pentadbiran.** 4. (1) Penyelenggaraan dan pentadbiran Pasokan Simpanan Gurkha ada-lah terta'alok kepada perintah2 dan kawalan Menteri Besar di-letakkan dalam tangan Komandan Pasokan tersebut yang akan di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.
- (2) Kuasa2 dan tugas2 Komandan di-bawah Perintah2 ini boleh di-jalankan dan di-lakukan jika ketiadaan atau ketidakupayaan Komandan oleh pegawai yang kanan salepas-nya yang ada bagi menggantikan tempat Komandan.
- Tugas2 Pasokan tersebut.** 5. Tugas2 Pasokan tersebut ia-lah untuk mengambil langkah2 yang sah di-sisi undang2 bagi melaksanakan apa jua tugas yang mungkin di-berikan kepada Pasokan tersebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan atau oleh sebarang undang2 bertulis.

Sharat2 pengambil-an berkerja.

6. (1) Tiap2 anggota Pasokan tersebut akan diambil berkerja menurut sharat2 kontrek perkhidmatan yang di-kenakan kapada-nya pada tarikh pengambil-an-nya berkerja.

(2) Tiada sebarang anggota dari Pasokan Simpanan Gurkha pun boleh di-berikan sa-suatu kontrek perkhidmatan selanjut-nya dengan Pasokan tersebut sa-lepas menchapai umur 40 tahun tanpa kebenaran Mentri Besar atas sokongan Komandan.

Kenaikan2 pangkat.

7. Pegawai2 Pangkat Rendah dan anggota yang tidak berpangkat dari Pasokan tersebut boleh di-naikkan pangkat oleh Komandan dengan kebenaran Mentri Besar.

Pakaian seragam dan perlengkapan.

8. (1) Tiap2 anggota Pasokan tersebut akan di-peruntokkan pakaian seragam dan perlengkapan lain bagi melakukan tugas2-nya dan adalah dengan ini di-benarkan memakai pakaian seragam dan perlengkapan sa-demikian di-dalam Negeri.

(2) Tiap2 orang manakala berhenti menjadi sa-orang anggota Pasokan tersebut hendak-lah dengan serta-merta menyerahkan kapada Komandan Pasokan tersebut, tiap2 benda pakaian seragam, pakaian dan harta-benda lain jenis apa pun jua kepunyaan Kerajaan.

(3) Sesiapa jua yang gagal mematohi sharat2 perenggan (2) boleh di-kenakan jika di-dapati thabit-kesalahan-nya di-hadapan Mahkamah Majistret hukum penjara selama tiga bulan dan hukum denda sebanyak lima ratus ringgit dan selain dari itu boleh di-kenakan bayaran bagi nilai harga apa jua barang yang tidak di-serahkan, nilai harga yang mana akan di-

tentukan terus oleh Komandan dan boleh di-dapati bales sa-olah2 ia-nya sa-suatu denda.

(4) Tiap2 orang yang bukan sa-orang anggota Pasokan tersebut yang ada pada milek-nya apa jua benda pakaian seragam, pakaian, perlengkapan atau harta-benda lain yang di-bekalkan kepada Pasokan tersebut dan yang tidak dapat memberi keterangan tentang pemilek-nya terhadap-nya dengan memuaskan boleh jika di-dapati thabit-kesalahan-nya di-hadapan Mahkamah Majistret di-kenakan hukum penjara selama tiga bulan dan hukum denda sebanyak lima ratus ringgit.

Membawa dan menggunakan senjata2.

9. (1) Tiap2 anggota Pasokan tersebut ada-lah dengan ini di-benarkan membawa dan menggunakan senjata2, sebagaimana yang di-perentahkan oleh Komandan, kerana melaksanakan tugas2-nya dengan berkesan. Senjata2 sa-demikian hendak-lah di-simpan dan di-pergunakan menurut perentah2 yang di-perbuat di-bawah Perintah 20(1) dari Perentah2 ini.

(2) Tiap2 anggota Pasokan tersebut boleh menggunakan senjata2 kerana pertahanan dan keselamatan mana2 tempat di-mana ia-nya mungkin di-tempatkan bertugas.

(3) Tiap2 anggota Pasokan tersebut boleh menggunakan senjata2 pada mempertahankan diri atau mempertahankan sa-saorang anggota lain dari Pasokan tersebut atau Pasokan2 Keselamatan Negeri yang lain.

Anggota Pasokan Simpanan Gurkha berbanding dengan kuasa pegawai polis.

10. Tiap2 anggota Pasokan tersebut semasa bertindak sa-demikian ada-lah mempunyai oleh sebab jawatan-nya segala kuasa, hak, perlindungan dan keistimewaan sa-saorang pegawai polis dan ada-lah di-anggap sebagai sa-orang pegawai Kerajaan dalam bidang ma'ana Undang2 Hukuman Jenayah.

Ganti-rugi.

11. (1) Jika sa-saorang anggota Pasokan tersebut cedera semasa bertugas bukan kerana kechuaian diri-nya, dia boleh di-anugerahkan ganti-rugi sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mungkin memutuskan atas sokongan2 Komandan berasaskan kepada pendapat sa-sabuah Lembaga Perubatan atau sa-saorang Pegawai Perubatan Kerajaan.

(2) Jika sa-saorang anggota Pasokan tersebut mati dalam tempoh satu tahun dari mendapat kechederaan tersebut tetapi tanggongan2-nya tidak layak menerima sebarang bayaran atau faedah di-bawah Perintah 12, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menentukan sa-suatu jumlah yang tidak melebihi pendapatan tahunan anggota tersebut.

(3) Bagi maksud2 Perintah ini dan Perintah 12, perkataan "tanggongan2" berma'ana balu serta anak2 sa-saorang anggota.

(4) Dalam mengira jumlah-nya yang mungkin di-anugerahkan di-bawah Perintah 11(2) maka hendak-lah di-tolak jumlah, jika ada, yang telah di-anugerahkan di-bawah Perintah 11(1).

Penchen kepada tanggongan2 jika sa-orang anggota terbunuh semasa bertugas.

12. Jika sa-saorang anggota Pasokan tersebut mati akibat dari kechederaan2 yang telah didapati -

- (a) semasa melaksanakan tugas-nya dengan sa-benar-nya;
- (b) bukan dengan kesalahan-nya sendiri; dan
- (c) oleh kerana perihal2 yang khusus-nya di-sebabkan oleh jenis tugas-nya;

semasa berkhidmat dengan Pasokan tersebut, maka ada-lah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat untok memperkenankan pemberian kepada tanggongan2 anggota tersebut sa-suatu penchen yang boleh di-berikan di-bawah bab 17 dari Undang2 Penchen, 1957 sa-olah2 anggota2 Pasokan tersebut memegang jawatan2 berpenchen dalam bidang ma'ana Undang2 tersebut dan Peratoran2 Penchen dan sa-olah2 sharat telah di-perbuat dalam bab 17 dari Undang2 tersebut bagi pemberian penchen sa-demikian kepada tanggongan2 anggota2 Pasokan tersebut.

BAHAGIAN III

Tata-Tertib

Kesalahan terhadap tata-tertib 'am-nya.

13. Sesiapa jua anggota yang melakukan mana2 satu dari kesalahan2 terhadap tata-tertib yang di-nyatakan di-dalam Jadual Pertama akan boleh di-buang kerja atau sebalek-nya di-hukum sebagaimana yang di-persyaratkan di-dalam Perentah2 ini dan di-dalam peratoran2 yang di-perbuat di-bawah-nya.

Kesalahan2 terhadap tata-tertib oleh Pegawai2 Kanan.

14. (1) Bilamana di-tomah bahawa sesiapa jua Pegawai Kanan telah bersalah melakukan sa-suatu kesalahan terhadap tata-tertib -

- (a) sharat2 Perentah2 'Am yang berhubung dengan penahanan kerja akan di-kenakan;
- (b) Menteri Besar hendak-lah menyebabkan perkara itu supaya di-siasat dan tindakan yang sewajar di-ambil terhadap Pegawai Kanan itu sebagaimana yang di-persyaratkan oleh peratoran2 dan perentah2 tersebut kerana tomahan2 kelakuan

salah yang di-buat terhadap sa-sa-orang pegawai Kerajaan;

- (c) Bagi maksud2 Perintah ini, Mentri Besar boleh melantek sa-sa-orang Pegawai Kanan Kerajaan atau sa-buah Jawatankuasa yang terdiri dari tiga orang Pegawai Kanan Kerajaan untuk menjalankan penyiasatan2 itu.

(2) Berhubung dengan Pegawai2 Kanan Pasokan tersebut, Pihak Berkuasa Tata-Tertib ia-lah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Kesalahan2 terhadap tata-tertib oleh Pegawai2 Pangkat Rendah dan anggota yang tidak berpangkat.

15. (1) Bilamana di-tomah bahawa sesiapa jua Pegawai Pangkat Rendah atau sesiapa jua anggota yang tidak berpangkat telah melakukan sesuatu kesalahan terhadap tata-tertib -

- (a) Komandan boleh menahan-nya berkerja;
- (b) penyiasatan hendak-lah di-buat terhadap tomahan itu mengikut chara yang di-tetapkan oleh tata-chara yang terkandung di-dalam Jadual Kedua dan apabila terbukti tomahan itu sa-suatu hukuman sebagaimana yang di-sebutkan di-dalam Jadual Ketiga boleh di-jatohkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang di-tentukan di-dalam-nya.

(2) Sesiapa jua Pegawai Pangkat Rendah atau sesiapa jua anggota yang tidak berpangkat yang di-tahan berkerja di-bawah perenggan (1) dari Perintah ini akan menerima separoh dari gaji jawatan-nya melainkan Komandan memerentahkan sebalek-nya; sekira-nya pembicharaan terhadap-nya itu di-buang maka ia akan berhak

menerima baki jumlah gaji-nya dengan sapenohnya yang ia sepatut-nya menerima jikalau ia tidak di-tahan kerja.

Hukuman potongan2 gaji.

16. (1) Hukuman potongan2 gaji yang berikut boleh di-buat daripada gaji2 yang akan di-berikannya kepada sa-saorang anggota -

- (a) segala gaji bagi tiap2 hari tidak hadir berkerja sama ada kerana melarikan diri atau tanpa kebenaran berchuti;
 - (b) jumlah wang yang di-kehendakki supaya di-bayar kerana sesuatu kesalahan terhadap tata-tertib.
- (2) Bagi maksud2 cheraian (1) -
- (a) sa-saorang anggota itu tidak-lah dianggap sebagai tidak hadir berkerja melainkan ketidakhadirannya itu selama tiga jam atau lebeh;
 - (b) jumlah banyak-nya hari akan di-hitong mulai dari ketika ketidakhadirannya bermula.

Penyingkaran waham.

17. Bagi mengelakkan waham maka dengan ini ada-lah di-ishtiharkan bahawa -

- (a) jika tindakan jenayah di-mulakan terhadap sa-saorang anggota, ia boleh di-tahan kerja dan salepas itu di-bayar gaji saperti berikut -
 - (i) jika saorang Pegawai Kanan, menurut syarat2 Perintah2 'Am;
 - (ii) jika saorang Pegawai Pangkat Rendah atau anggota yang tidak berpangkat, menurut syarat2 Perintah 15;

- (b) jika sa-saorang anggota itu di-dapati thabit kesalahan melakukan jenayah ia boleh di-buang kerja menurut syarat2 Perentah2 'Am;
- (c) tiada sebarang apa pun di-dalam Bahagian ini boleh di-ertikan untuk menghindar pembuangan kerja mana2 anggota dengan serta-merta.

Pembayaran wang di-tegah.

18. (1) Tiada sebarang wang atau balasan lain boleh dengan apa pun jua helah kena di-bayar, di-bayar, di-beri, di-terima atau di-janjikan oleh atau bagi pehak mana2 anggota Pasokan tersebut, sama ada tatkala masok berkhidmat dalam, semasa maseh berkhidmat dalam atau manakala berhenti dari Pasokan tersebut. Mana2 anggota dari Pasokan tersebut yang membayar, memberi, menerima atau menuntut apa jua wang sa-demikian atau balasan lain atau menjanjikan wang sa-demikian atau balasan lain atau bersetuju melakukan sebarang perkerjaan sebagai balasan menerima atau janji wang sademikian atau balasan lain boleh di-kenakan jika di-dapati thabit-kesalahannya di-hadapan Mahkamah Majistret hukum penjara selama enam bulan dan denda sebanyak lima ratus ringgit.

(2) Sesiapa jua yang telah di-dapati thabit-kesalahannya di-bawah Perentah ini boleh di-buang kerja, dan semua tunggakan gaji yang sepatut-nya di-bayar kapada-nya boleh di-luchutkan.

Anggota Pasokan tersebut tidak ter-kechuali dari proses undang2 biasa.

19. (1) Tiada sebarang apa pun di-dalam Pe-rentah2 ini boleh di-ertikan akan mengechualikan mana2 anggota Pasokan tersebut dari di-bicharkan menurut proses undang2 biasa manakala di-tudoh melakukan sebarang kesalahan yang boleh di-kenakan hukuman di-bawah sebarang Undang2 lain.

(2) Apa jua hukuman penjara atau tahanan yang di-jatuhkan keatas mana2 Pegawai Pangkat Rendah atau anggota yang tidak berpangkat di-bawah Perentah2 ini boleh di-jalankan di-sabuaah tempat tahanan yang di-tentukan bagi maksud itu oleh mana2 Perentah yang di-perbuat di-bawah Perentah 20(1) atau di-mana2 penjara Kerajaan.

(3) Tiap2 pegawai yang menjaga sa-sabuaah penjara Kerajaan hendak-lah menerima dalam jagaan-nya dan menjalankan apa jua hukuman penjara yang telah di-jatuhkan keatas mana2 anggota Pasokan tersebut kerana sebarang kesalahan di-bawah Perentah2 ini manakala sa-suatu perentah bertulis di-sampaikan kapada-nya yang di-tanda-tangani oleh Komandan perentah yang mana hendak-lah menyatakan kesalahan-nya serta tempoh penjara.

(4) Tiap2 orang semasa menjalani apa jua hukuman penjara hendak-lah di-anggap dan hendak-lah di-selenggarakan sebagai saorang banduan jenayah.

(5) Tiada sebarang gaji boleh di-bayar kapada mana2 anggota Pasokan tersebut berthabit dengan mana2 tempoh semasa ia-nya menjalani apa2 hukuman penjara.

BAHAGIAN IV

Rampaian

Perentah2 tetap
Pasokan Simpanan
Gurkha.

20. (1) Komandan boleh membuat perentah2 yang di-gelar "Perentah2 Tetap Pasokan Simpanan Gurkha" dan "Perentah2 Biasa Pasokan Simpanan Gurkha" yang tidak berlawanan dengan sharat2 Perentah2 ini bagi pentadbiran Pasokan tersebut dengan betul lagi chekap.

(2) Perentah2 sa-demikian boleh menetapkan atau mengadakan Sharat2 bagi -

- (a) pengawalan, pengarahan dan pembentokan Pasokan tersebut;
- (b) tata-tertib;
- (c) latehan;
- (d) perjenisan² dan kenaikan² pangkat;
- (e) pemereksaan², kawa'id², perlatehan² dan perbarisan²;
- (f) kebajikan;
- (g) kewangan jabatan;
- (h) bangunan², tanah² lapang, setor², perabot dan kelengkapan;
- (i) perkhidmatan² yang akan dilakukan oleh anggota²;
- (j) chara dan bentok membuat laporan², surat² dan pencha-tetan² lain;
- (k) melakukan sebarang tindakan yang mungkin menjadi perlu bagi menjalankan Perentah² ini dengan betul atau sebarang peratoran² yang di-perbuat di-bawah-nya atau sebarang undang² lain atau bagi melaksanakan sebarang tugas yang di-kenakan oleh undang² keatas Pasokan tersebut;
- (l) perkara² lain yang mungkin menjadi perlu atau munafa'at bagi mencheгах salah menjalankan atau kechuaian tugas, bagi menjadikan Pasokan tersebut chekap dalam melaksanakan tugas²-nya dan

bagi menjalankan tujuan2 Perintah2 ini.

Larangan terhadap anggota2 Pasokan tersebut menjadi ahli2 kesatuan sekerja.

21. (1) Maka tidak-lah sah bagi sa-saorang anggota Pasokan tersebut untok menjadi, atau sa-lepas tamat-nya satu bulan dari berjalan-nya kuatkuasa Perintah2 ini menjadi, anggota mana2 kesatuan sekerja, atau mana2 persatuan yang mempunyai sebagai tujuan2-nya, atau salah-satu dari tujuan2-nya, untok mengawal atau mempengaruhi gaji, penchen, atau syarat2 perkhidmatan Pasokan tersebut atau mana2 persatuan yang mempunyai tujuan2 politik; dan sesiapa jua anggota Pasokan tersebut yang melanggar syarat ini tidak akan di-benarkan (disqualified) meneruskan menjadi anggota Pasokan tersebut; dan, jika sesiapa jua anggota Pasokan tersebut terus berbuat demikian sa-telah tidak di-benarkan (disqualified), maka ia akan di-luchutkan semua hak penchen:

Dengan syarat bahawa jika sa-saorang itu telah menjadi ahli sa-sabuah kesatuan sekerja sa-belum menjadi anggota Pasokan tersebut, ia boleh dengan persetujuan Komandan, terus menjadi ahli kesatuan itu sa-panjang masa perkhidmatan-nya dalam Pasokan tersebut.

(2) Jika apa2 soal berbangkit sama ada mana2 badan itu ada-lah sa-buah kesatuan sekerja atau sa-buah persatuan terhadap mana Perintah ini di-kenakan, maka soal itu hendak-lah di-tentukan oleh Pesuruhjaya Buroh.

Kandongan2 Jadual.

22. Syarat2 yang terkandung di-dalam Jadual2 Pertama, Kedua dan Ketiga boleh di-pinda, dibatalkan atau di-gantikan dengan peratoran2 yang di-perbuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat.

Kesalahan2.

23. (1) Sesiapa jua yang menentang atau menghalangi mana2 anggota yang bertindak dalam melaksanakan tugas-nya ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit-kesalahannya di-hadapan Mahkamah Majistret hukum denda sebanyak lima ratus ringgit dan/atau hukum penjara selama enam bulan.

(2) Sesiapa jua anggota yang -

- (a) melarikan diri;
- (b) dengan senghaja enggan menurut perintah yang sah dari saorang anggota terhadap siapa ada-lah menjadi kewajipan-nya untok menuruti;

ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit-kesalahannya di-hadapan Mahkamah Majistret hukum denda sebanyak lima ratus ringgit dan/atau penjara selama enam bulan.

(3) Sesiapa jua yang, bukan saorang anggota, memakai tanpa kebenaran Komandan, pakaian seragam Pasokan tersebut, atau apa jua pakaian yang mempunyai rupa atau mempunyai sebarang tanda yang nyata mengenai pakaian seragam itu, ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan jika di-dapati thabit-kesalahannya di-hadapan Mahkamah Majistret hukum denda sebanyak lima ratus ringgit.

JADUAL PERTAMA

(Perintah 13)

KESALAHAN2 TERHADAP TATA-TERTIB

Sa-saorang anggota ada-lah melakukan kesalahan terhadap tata-tertib yang -

- (1) bersalah kerana kechut dalam menjalankan tugas-nya;

- (2) tanpa sebab yang baik dan memadai gagal menjalankan sebarang perintah yang sah, sama ada perintah itu sechara bertulis atau dengan mulut;
- (3) melawan sa-saorang anggota perentah2 siapa ada-lah menjadi kewajipan-nya untok mematohi;
- (4) (a) lalai atau tanpa sebab yang baik dan memadai gagal melakukan, dengan tangkas dan rajin, sebarang apa yang ada-lah menjadi kewajipan-nya untok melakukan;
- (b) oleh kerana kechuaian atau kela-laian dalam menjalankan tugas-nya menyebabkan kejadian sebarang kerugian, kerosakan atau kechederaan kapada mana2 orang atau harta-benda;
- (5) dengan sengahaja membuat sebarang kenyataan palsu, mengelirukan atau tidak tepat berkaitan dengan tugas-nya sama ada kenyataan itu di-buat dengan mulut atau sechara bertulis;
- (6) dengan maksud menipu, memusnahkan sebarang rekod rasmi (official record), dokumen atau buku atau memadamkan sebarang chatetan di-dalam-nya;
- (7) tanpa kebenaran yang betul -
 - (a) mencheritakan sebarang perkara yang mana ada-lah menjadi kewajipan-nya untok merahsiakan;
 - (b) dengan sechara langsung atau tidak langsung mema'alomkan kapada akhbar atau kapada mana2 orang lain sebarang perkara yang mungkin sampai ka-pengetahuan-nya

- semasa menjalankan tugas2 rasminya;
- (c) menyiarkan sebarang perkara atau membuat sebarang kenyataan umum berhubung dengan Pasokan tersebut;
- (8) (a) meminta atau menerima sebarang bayaran, baksis atau pemberian lain yang tidak di-benarkan berkaitan dengan tugas2-nya sebagai sa-orang anggota;
- (b) gagal membuat kira2, atau membuat penyata yang segera dan betul mengenai, sebarang wang atau harta-benda terhadap mana ia-nya bertanggung-jawab, sama ada berkaitan dengan tugas2-nya sebagai saorang anggota atau sebarang kumpolan wang (fund) yang berkaitan dengan Pasokan tersebut;
- (c) salah menggunakan jawatan-nya sebagai saorang anggota;
- (9) tanpa kebenaran yang betul atau sebab yang berpatutan -
- (a) tidak menghadzirkan diri-nya berkerja atau di-sebarang tempat perbarisan;
 - (b) lambat tiba untok sebarang tugas atau perbarisan;
- (10) (a) dengan sengaja atau kelalaian merosakkan atau menghilangkan sebarang benda pakaian atau perlengkapan, atau sebarang peralatan, perkakas atau apa2 jua amanat, yang telah di-berikan atau

di-amanatkan atau gagal menjaga dengan betul terhadap-nya;

- (b) lalai melaporkan sebarang kerosakan kepada, atau kehilangan sebarang benda pakaian atau perlengkapan, atau sebarang peralatan, perkakas, atau apa2 jua amanat yang ia-nya telah di-beri atau di-amanatkan;
- (11) semasa bertugas, atau di-panggil untuk bertugas, ada-lah tidak layak untuk bertugas di-sebabkan oleh meminum minuman yang memabokkan;
- (12) semasa atau sa-lepas bertugas berkelakuan tidak senonoh, atau dengan sebarang chara yang berlawanan dengan tata-tertib, atau mungkin akan membawa keburukan nama Pasokan tersebut atau perkhidmatan2 awam;
- (13) tidur semasa bertugas;
- (14) berjudi kechuali bilamana di-benarkan oleh Komandan berbuat demikian menurut 'adat keugamaan orang Nepal;
- (15) berpakaian tidak senonoh bila berpakaian seragam;
- (16) melakukan sebarang kesalahan, sama ada dengan sebab melanggar Perintah2 'Am atau lain yang merupakan kelakuan salah pada sa-saorang pegawai Kerajaan.

JADUAL KEDUA

(Perintah 15)

Atoran2 mengenai tata-chara penyiasatan tentang kesalahan2 terhadap tata-tertib oleh Pegawai2 Pangkat Rendah dan Anggota Yang Tidak Berpangkat ada-lah saperti berikut

1. Tiap2 tudohan hendak-lah di-chatetkan ka-dalam kertas tudohan (charge sheet).
2. Tiap2 tudohan hendak-lah di-siasat oleh Komandan pada mula2-nya dengan tidak ber-lengah lagi berhadapan dengan yang di-tudoh dan chatetan penoh terhadap-nya di-buat oleh Komandan.
3. Tudohan itu hendak-lah di-bacha dan di-terangkan kepada yang di-tudoh.
4. Yand di-tudoh hendak-lah di-beri hak kebe-basan penoh untok menyoyal sechara teliti sesiapa jua saksi yang menudoh-nya dan untok memanggil mana2 saksi dan membuat apa2 jua kenyataan untok membela diri-nya.
5. Keterangan bersurat (documentary evidence) tidak boleh di-gunakan terhadap yang di-tudoh melainkan ia telah terlebih dahulu di-bekalkan dengan salinan-nya atau telah di-benarkan me-lihat-nya.

6. Komandan boleh pada perengkat mana pun dari perbicharaan itu meminda tudohan atau menambah dengan tudohan yang baharu: Dengan syarat bahawa jika berlaku yang sa-demikian itu tudohan yang telah di-pinda atau yang baharu itu hendak-lah di-bacha dan di-terangkan kepada yang di-tudoh siapa yang akan berhak memanggil balek mana2 satu saksi yang sudah memberi keterangan untok di-soal sechara teliti selanjutnya dan untok memanggil saksi2 yang lain yang mungkin di-kehendakki-nya.

7. Pada penutup pembicharaan sa-suatu tudohan, Komandan hendak-lah -

- (a) jika pada pendapat-nya keterangan tidak menunjukkan yang sa-suatu kesalahan terhadap tata-tertib telah di-lakukan, membuang tudohan itu;
- (b) jika pada pendapat-nya keterangan menunjukkan yang sa-suatu kesalahan terhadap tata-tertib telah di-lakukan sama ada -
 - (i) menjatohkan hukuman yang di-dalam kuasa-nya; atau
 - (ii) merujukkan perkara itu kepada Menteri Besar.

8. (1) Bila2 masa Komandan merujukkan sa-suatu perkara kepada Menteri Besar di-bawah perenggan (b) dari atoran 7 ia hendak-lah menghadapkan -

- (a) satu salinan chatetan perbicharaan yang di-taip (termasok tudohan-nya) yang telah di-sahkan oleh dirinya sendiri sebagai salinan yang benar dari salinan asal-nya;
- (b) satu laporan yang menyatakan -

- (i) sebab2-nya kerana berpendapat yang tudohan itu telah di-buktikan;
- (ii) sokongan2-nya mengenai hukuman;
- (c) surat penyata kelakuan (conduct sheet) yang di-tudoh itu.

(2) Bila2 masa Komandan merujukkan sa-suatu perkara sa-demikian chara ia hendak-lah memberitahu yang di-tudoh bahawa ia boleh dalam masa empat belas hari menghadapkan sebarang keterangan selanjut-nya yang mungkin ia ingin membuat sechara bertulis kapada Mentri Besar.

10. Tiap2 hukuman yang telah di-jatuhkan hendak-lah di-chatetkan di-dalam surat penyata kelakuan anggota yang telah di-hukum itu.

11. Sesiapa jua anggota Pasokan tersebut boleh merayu kapada Mentri Besar terhadap apa jua hukuman atau perintah yang telah di-jatuhkan oleh Komandan di-bawah Perintah2 ini dan Mentri Besar boleh tatkala itu mengurangkan atau mengesahkan apa jua hukuman sa-demikian atau mengubah perintah sa-demikian.

JADUAL KETIGA

(Perintah 15)

Hukuman bagi Pegawai2 Pangkat Rendah dan Anggota Yang Tidak Berpangkat kerana kesalahan2 terhadap tata-tertib.

BAHAGIAN I

Pegawai2 Pangkat Rendah

Pegawai Pangkat Rendah yang telah didapati salah melakukan sa-suatu kesalahan terhadap tata-tertib boleh di-jatuhkan hukuman saperti berikut -

(1) Oleh Menteri Besar

(a) Mana2 satu dari yang berikut -

- (i) buang kerja;
- (ii) tahanan sa-hingga selama 28 hari maksima;
- (iii) turun pangkat;
- (iv) tahan kenaikan gaji;
- (v) denda;
- (vi) kawa'id2 tambahan;
- (vii) amaran keras;
- (viii) amaran.

(b) selain dari sebarang apa yang di-atas tadi, bayaran sechara ganti-rugi kerana sebarang kehilangan atau kerosakan kapada sebarang benda pakaian atau perlengkapan, atau sebarang peralatan, perkakas atau apa jua amanat yang ia telah di-beri atau di-amanatkan, atau kapada sebarang harta-benda Kerajaan.

(2) Dengan tidak menghiraukan (1) di-atas Komandan boleh menjatuhkan mana2 satu dari hukuman2 yang berikut -

- (a) tahanan sa-hingga selama 14 hari maksima;
- (b) denda sebanyak tidak lebeh dari satu bulan gaji;
- (c) kawa'id2 tambahan;
- (d) amaran keras;
- (e) amaran.

BAHAGIAN II

Anggota Yang Tidak Berpangkat yang telah di-dapati salah melakukan kesalahan terhadap tata-tertib boleh di-jatuhkan hukuman oleh Komandan seperti berikut -

- (1) Mana2 satu dari yang berikut -
 - (a) buang kerja terta'alok kepada pengesahan oleh Mentri Besar;
 - (b) tahanan sa-hingga selama 14 hari maksima atau terta'alok kepada pengesahan Mentri Besar 28 hari;
 - (c) tahan kenaikan gaji;
 - (d) denda tidak lebeh dari satu bulan gaji;
 - (e) kawa'id2 tambahan;
 - (f) amaran keras;
 - (g) amaran.

(2) Selain dari sebarang apa yang di-atas, bayaran sechara ganti-rugi kerana sebarang kehilangan atau kerosakan kepada sebarang benda pakaian atau perlengkapan, atau sebarang peralatan, perkakas atau apa jua amanat yang telah di-beri atau di-amanatkan, atau kepada sebarang harta-benda Kerajaan.

Di-perbuat pada 9 haribulan Mei, 1981, Di-Istana Beta, Darul Hana, Brunei Darul Salam.

HASSANAL BOLKIAH
*D.Y.M.M. Paduka Seri
Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan*